

NGO 1M'sia: Kami juga jengkelkan BN
Malaysiakini.com
March 3, 2011

Pertubuhan NGO misteri - 1Malaysia yang menyumbang barangan keperluan serta menaja jamuan makan malam kepada pengundi setiap kali pilihan raya kecil diadakan dikatakan bukan sahaja menjengkelkan parti pembangkang tetapi juga parti komponen BN. Ini kerana kempen mereka dikatakan lebih mencuri tumpuan.

Menurut sumber, aktiviti yang dianjurkan oleh NGO itu berjaya mendapat respon yang lebih baik dengan apa yang dilakukan oleh BN dan ini menimbulkan rasa tidak puas hati, khususnya di kalangan pemimpin MCA, MIC dan Gerakan.

Menurut sumber yang rapat dengan NGO itu, pihak media juga sepatutnya dipersalahkan kerana memaparkan mereka sebagai pertubuhan pro-BN.

"Kita telah mencuri tumpuan. Tetapi kenapa aktiviti yang dianjurkan oleh MCA tidak mendapat sambutan yang baik?" soalnya.

Menurutnya, 1Malaysia adalah NGO yang bebas daripada pengaruh BN dan bukannya dibiayai oleh gabungan parti pemerintah itu.

"Katakan jika NGO 1Malaysia dihantar oleh BN, mengapa MCA ataupun MIC membenarkannya menjadi tumpuan?" soalnya lagi.

Ditanya sama ada pemimpin akar umbi MCA membantu NGO itu bagi menjemput pengundi menghadiri jamuan makan malam anjurannya, sumber itu menolak dakwaan itu dan berkata mereka juga adalah pengundi.

"Mengapa awak melihat mereka sebagai ahli MCA? Mereka juga adalah pengundi. Cuma kebetulan mereka yang saya kenali itu adalah ahli MCA," katanya.

Dakwanya, tetamu pada jamuan itu termasuk ahli MCA, Gerakan, MIC dan DAP juga.

Tahukah anda terdapat juga SB (polis Cawangan Khas) di jamuan itu? Jika kami dihantar oleh BN, mengapa mereka menghantar SB (untuk memantau jamuan makan malam itu)?" katanya kepada Malaysiakini, baru-baru ini.

"Tahukah anda mengapa jamuan makan 1Malaysia selalunya penuh? Ini kerana pengundi mendapat ketenangan di sini. Sebab itu mereka terus hadir setiap jamuan makan," tambahnya.

Pada pilihan raya kecil terbaru di Merlimau yang sedang berlangsung ini, NGO 1Malaysia mengulangi modus operandi dengan mengadakan makan tengahari dan makan malam secara percuma hampir setiap hari. Ia lazimnya dihadiri oleh pengundi bukan Melayu yang jumlahnya daripada ratusan dan ada kalanya mencecah ribuan.

Sambil menjamu selera dengan di kelilingi poster gergasi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak dan logo rasmi 1Malaysia, mereka juga dihiburkan dengan persembahan daripada gadis-gadis muda dengan berpakaian seksi.

Orang ramai yang menghadiri majlis itu juga berpeluang memenangi beberapa hadiah menarik dalam cabutan bertuah.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/157558>